

**REKA BENTUK MODUL IMPAT DALAM
PENGHASILAN PUISI DAN PEMBINAAN PAPAN
CERITA PELAJAR KMK**

NORLY BINTI OTHMAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2021

**REKA BENTUK MODUL IMPAT DALAM
PENGHASILAN PUISI DAN PEMBINAAN PAPAN
CERITA PELAJAR KMK**

oleh

NORLY BINTI OTHMAN

**Tesis yang diserahkan untuk
Memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Ogos 2021

PENGHARGAAN

Saya titipkan rasa syukur kepada Tuhan kerana memberkati saya sehingga saya dapat menyempurnakan tesis ini. Melalui ruangan ini, saya ingin merakamkan jutaan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia utama saya iaitu Dr. Fadzilah Bt Amzah. Beliau banyak memberi sokongan, dorongan, bantuan, dan bimbingan kepada saya untuk menyempurnakan tesis ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua panel penilai yang pernah menilai dan memberi nasihat serta tunjuk ajar kepada saya. Didikan, suntikan semangat, dedikasi, kesungguhan dan kesabaran yang tinggi daripada pihak Tuan telah memberi semangat kepada saya untuk menyiapkan tesis ini. Tanpa Tuan siapalah saya.

Terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah, staff PPIP yang tidak jemu membantu saya menetapkan kualiti dan hala tuju penulisan kajian saya. Pada masa yang sama saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Pendidikan Daerah Balik Pulau dan sekolah kajian kerana telah memberikan kebenaran kepada saya untuk melaksanakan kajian ini.

Ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi sanjungan dan penghargaan saya tujukan kepada ibu bapa, suami, anak-anak yang mengerti dan sabar dengan keinginan dan impian saya. Tidak lupa juga ucapan penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberi bantuan serta sokongan moral semasa saya berdepan dengan cabaran.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
ISI KANDUNGAN.....	iii
SENARAI JADUAL.....	ix
SENARAI RAJAH.....	xi
SENARAI SINGKATAN.....	xiv
ABSTRAK.....	xv
ABSTRACT.....	xvi
BAB I PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	3
1.3 Penyataan Masalah.....	7
1.4 Tujuan Kajian.....	19
1.5 Objektif Kajian.....	19
1.6 Persoalan Kajian.....	20
1.7 Hipotesis Kajian.....	21
1.8 Kerangka Konseptual Kajian.....	22
1.9 Kepentingan Kajian.....	25
1.10 Definisi Operasional.....	28
1.10.1 Modul MPLAT.....	28
1.10.2 Peta Pemikiran (<i>I-Think</i>).....	29
1.10.3 Sukatan Kesusasteraan Melayu Komunikatif-Multimedia Dalam Sastera (Sukatan Penggal Tiga).....	30

1.10.4	Penghasilan Puisi Dalam SPKMK.....	30
1.10.5	Pembinaan Papan Cerita Dalam SPKMK.....	31
1.11	Limitasi Kajian.....	32
1.12	Kesimpulan.....	33
BAB II	SOROTAN LITERATUR.....	34
2.1	Pengenalan.....	34
2.2	Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK).....	34
2.3	Penghasilan Puisi Dalam KMK.....	43
2.4	Pembinaan Papan Cerita.....	49
2.5	KBAT Dalam PdPc.....	51
2.6	Aplikasi Peta Pemikiran (i-Think) dalam KMK Dan Modul IMPAT.....	55
2.6.1	Peta Bulatan.....	58
2.6.2	Peta Buih.....	60
2.6.3	Peta Titi.....	62
2.6.4	Peta Alir.....	63
2.7	Reka Bentuk Modul IMPAT.....	66
2.8	Landasan Teori Kognitif Pembelajaran dalam Pembinaan Modul IMPAT.....	68
2.9	Kajian Lepas.....	73
2.9.1	PdPc KMK Di Sekolah.....	74
2.9.2	Rujukan Pembelajaran Menggunakan Modul.....	77
2.9.3	Rujukan Penggunaan KBAT dan Peta Pemikiran.....	78
2.10	Kesimpulan.....	79
BAB III	METODOLOGI KAJIAN.....	80
3.1	Pengenalan.....	81
3.2	Reka Bentuk Kajian.....	81
3.3	Pemboleh ubah Kajian.....	82

3.4	Teknik Persampelan.....	85
3.5	Teknik Pengumpulan Data.....	87
3.5.1	Pengumpulan Data Kuantitatif.....	87
3.5.2	Pengumpulan Data Kualitatif.....	90
3.6	Instrumen Kajian.....	93
3.6.1	Ujian Pra dan Ujian Pos.....	93
3.6.1(a)	Kesahan Instrumen Ujian.....	97
3.6.1(b)	Kebolehpercayaan Instrumen Ujian.....	97
3.6.1(c)	Penilaian Jawapan & Peraturan Pemberian Markah.....	98
3.6.1(d)	Kebolehpercayaan Permarkahan.....	101
3.6.2	Soalan Temu Bual Separa Berstruktur.....	101
3.6.3	Analisis Dokumen.....	104
3.7	Kesimpulan.....	106
BAB VI REKA BENTUK PEMBINAAN MODUL PENGAJARAN.....		108
4.1	Pengenalan.....	108
4.2	Reka Bentuk Pembinaan Modul IMPAT.....	113
4.3	Pembinaan Modul IMPAT.....	115
4.3.1	Mengenal pasti Matlamat Pengajaran.....	115
4.3.2	Melakukan Analisis Instruksi Pengajaran.....	116
4.3.3	Kenal Pasti Kelakuan Masuk dan Ciri-ciri Pelajar.....	118
4.3.4	Menulis Objektif Tingkah Laku.....	122
4.3.5	Membina item-item Ujian Rujukan Kriteria.....	127
4.3.6	Strategi Pengajaran – PdPc menggunakan modul IMPAT.....	128
4.3.7	Membina dan Memilih Bahan-bahan Pengajaran.....	133
4.4	Membina Dan Mengendalikan Penilaian Formatif.....	134

4.4.1	Penilaian Pakar.....	136
4.4.2	Saranan Pakar.....	139
4.4.3	Penilaian Guru.....	140
4.5	Penilaian Sumatif.....	140
4.6	Modul Akhir IMPAT.....	141
4.7	Kesimpulan.....	141
BAB V KEPUTUSAN ANALISIS DATA.....		142
5.1	Pengenalan.....	142
5.2	Analisis Dapatan Kajian Kuantitatif.....	143
5.2.1	Profil Sampel Kajian.....	144
5.2.2	Analisis Perbandingan Skor Pencapaian Ujian Pra dan Pos bagi penghasilan puisi.....	144
5.2.3	Analisis Perbandingan Skor Pencapaian Ujian Pra dan Pos bagi membina papan cerita.....	149
5.3	Pengujian Hipotesis Kajian.....	153
5.4	Analisis Dapatan Kajian Kualitatif.....	154
5.4.1	Perbandingan Kualiti Puisi yang Dihasilkan oleh Pelajar KMK Selepas Menggunakan Modul IMPAT.....	155
5.4.1(a)	Kualiti Penghasilan Puisi Menerusi Ketepatan Tema.....	160
5.4.1(b)	Kualiti Penghasilan Puisi Menerusi Ketepatan Bentuk.....	166
5.4.1(c)	Kualiti Penghasilan Puisi Menerusi Ketepatan Persoalan yang Dikemukakan.....	171
5.4.1(d)	Kualiti Penghasilan Puisi Menerusi Ketepatan Penggunaan Gaya Bahasa yang Indah dan Kreatif.....	176
5.4.2	Perbandingan Kualiti Membina Papan Cerita Sebelum Dan Selepas Menggunakan Modul.....	182

5.4.2(a)	Kualiti Teks dan Penerangannya dalam Pembinaan Papan Cerita.....	189
5.4.2(b)	Kualiti Grafik dan Penerangannya dalam Pembinaan Papan Cerita.....	191
5.4.2(d)	Kualiti Audio/Video dan Penerangannya dalam Pembinaan Papan Cerita.....	195
5.4.2(d)	Kualiti Animasi dan Penerangannya dalam Pembinaan Papan Cerita.....	197
5.5	Analisis Temu Bual Murid.....	198
5.5.1	Modul IMPAT sebagai Bahan Bantu yang Berkesan dan Mudah Digunakan.....	200
5.5.2	Modul IMPAT Menjadikan PdPc Lebih Menarik.....	202
5.5.3	Modul IMPAT Mampu Menjana Idea dan Kemahiran Berfikir.....	205
5.6	Triangulasi Kaedah Kuantitatif dan kualitatif (Data Quan dan Qual).....	207
5.7	Kesimpulan.....	208
BAB VI RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN.....		209
6.1	Pengenalan.....	209
6.2	Rumusan Keseluruhan.....	211
6.3	Perbincangan Dapatan Kajian.....	216
6.3.1	Rumusan Analisis Keperluan dan Mereka Bentuk Modul IMPAT.....	216
6.3.2	Rumusan Terhadap Keberkesanan Modul Terhadap Kualiti Puisi yang Dihasilkan dan Papan Cerita yang Dibina oleh Pelajar KMK.....	217
6.3.3	Rumusan Terhadap Keberkesanan Modul.....	221
6.3.4	Rumusan Terhadap Keberkesanan Modul	224
6.4	Implikasi Kajian.....	225
6.4.1	Implikasi Terhadap Badan Perancangan dan Sukatan Kurikulum.....	226

6.4.2	Implikasi Implikasi Terhadap Teori Dalam Sastera.....	227
6.4.3	Implikasi Terhadap Pedagogi PdPc KMK.....	227
6.4.4	Implikasi Terhadap KBAT Pelajar Dalam Menghasilkan Puisi dan Papan Cerita.....	229
6.5	Cadangan dan Saranan Kajian akan Datang.....	231
6.6	Kesimpulan.....	232
	BIBLIOGRAFI.....	234

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

Halaman

Jadual 1.1	Jadual Menunjukkan Aliran Pelajar Sebelum Mengambil Subjek KMK Di Negeri Pulau Pinang.....	10
Jadual 1.2	Analisis Keputusan Pelajar KMK Seluruh Malaysia bagi Penggal Tiga (2013 dan 2019).....	12
Jadual 2.1	Hasil Pembelajaran Sukatan Penggal Tiga KMK.....	40
Jadual 2.2	Contoh Skema Pemarkahan Bagi Sajak.....	46
Jadual 2.3	Contoh Skema Pemarkahan Bagi Syair.....	47
Jadual 2.4	Contoh Skema Bagi Puisi Tradisional – Pantun / Gurindam / Talibun / Teromba / Mantera.....	48
Jadual 3.1	Contoh Jadual Penanda Aras Untuk Melihat Skor Pencapaian Pelajar KMK Bagi Ujian Pra Dan Pos.....	90
Jadual 3.2	JSU Pembinaan Soalan.....	96
Jadual 3.3	Contoh Skema Pemarkahan Puisi.....	99
Jadual 3.4	Contoh Skema Pemarkahan Membina Papan Cerita.....	100
Jadual 3.5	Contoh Jadual Penanda Aras Untuk Melihat Kualiti Puisi Yang Dihasilkan Oleh Pelajar KMK.....	105
Jadual 3.6	Contoh Jadual Penanda Aras Untuk Melihat Kualiti Papan Cerita Yang Dibina Oleh Pelajar KMK.....	106
Jadual 3.7	Rumusan Keseluruhan Bab 3.....	107
Jadual 4.1	Analisis Tahap Kemahiran Pelajar Dalam Menghasilkan Puisi Dan Membina Papan Cerita Berdasarkan Ujian Pra.....	120
Jadual 4.2	Program Penilaian Formatif.....	136
Jadual 4.3	Jadual Menunjukkan Perubahan Kepada Aktiviti Pengukuhan.....	138

Jadual 5.1	Perbandingan Skor pencapaian Ujian Pra dan Ujian Pos Pelajar KMK bagi Penghasilan Puisi.....	145
Jadual 5.2	Perbandingan Skor pencapaian Ujian Pra Dan Ujian Pos Pelajar KMK Bagi Membina Papan Cerita.....	149
Jadual 5.3	Keputusan Analisis Skor Pencapaian Ujian dalam Pengujian Hipotesis H_01 dan H_02	153
Jadual 5.4	Dapatan Skor Pelajar KMK.....	157
Jadual 5.5	Contoh Jadual Penanda Aras Untuk Melihat Kualiti Puisi Yang Dihasilkan Oleh Pelajar KMK Mengikut Kriteria.....	158
Jadual 5.6	Menunjukkan Perbandingan Hasil Penciptaan Puisi Secara Umum Mengikut Kriteria-Kriteria Kualiti yang ditetapkan.....	159
Jadual 5.7	Bilangan Skrip Jawapan Pelajar yang Diambil Untuk Dianalisis Dalam Membina Papan Cerita.....	185
Jadual 5.8	Menunjukkan perbandingan hasil pembinaan papan cerita oleh P1 hingga P6 secara umum mengikut kriteria-kriteria kualiti yang ditetapkan.....	188

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Pembahagian Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif.....4
Rajah 1.2	Rumusan Pernyataan Masalah Dan Penyelesaian.....18
Rajah 1.3	Kerangka Konseptual Kajian.....22
Rajah 2.1	Sukatan KMK STPM Baru Mengikut Penggal (2012/2013).....36
Rajah 2.2	Sukatan Penggal Tiga Kmk (2012).....38
Rajah 2.3	Pelaksanaan Kbat Di Dalam Kelas / Bilik Darjah.....51
Rajah 2.4	Peta Pemikiran (<i>I-Think</i>).....56
Rajah 2.5	Contoh Peta Bulatan.....58
Rajah 2.6	Contoh Peta Buih.....60
Rajah 2.7	Contoh eta Titi.....62
Rajah 2.8	Contoh Peta Alir.....63
Rajah 3.1	Triangulasi Reka Bentuk Kaedah Kajian Campuran.....81
Rajah 3.2	Perincian Perlaksanaan Kajian.....84
Rajah 3.3	Rujukan Untuk Pembinaan Soalan Bagi Ujian Pra Dan Ujian Pos.....94
Rajah 4.1	Reka Bentuk Dick dan Carey(1996).....111
Rajah 4.2	Pengubahsuaian Reka Bentuk Model Dick dan Carey Dapat Membina Modul Impat.....114
Rajah 4.3	Sukatan Pelajaran Penggal Tiga Bagi Bahagian A Dan C.....124
Rajah 4.4	Contoh Objektif Hasil Pembelajaran Dalam Rancangan Mengajar Harian (Modul Impat).....126
Rajah 4.5	Perancangan Dan Aktiviti.....131

Rajah 4.6	Bahan Bantu Mengajar.....	134
Rajah 4.7	Rajah Menunjukkan Perubahan Yang Perlu Dilakukan.....	139
Rajah 4.8	Kitaran Penambahbaikan Berterusan.....	141
Rajah 5.1	Peratus Skor Pencapaian Ujian Pra Pelajar KMK Mengikut Kategori Bagi Penghasilan Puisi.....	146
Rajah 5.2	Peratus Skor Pencapaian Ujian Pos Pelajar KMK Mengikut Kategori Bagi Penghasilan Puisi.....	147
Rajah 5.3	Peratus Markah Ujian Pra Pelajar Kmk Mengikut Kategori Bagi Membina Papan Cerita.....	150
Rajah 5.4	Peratus Skor Pencapaian Ujian Pos Pelajar KMK Mengikut Kategori Bagi Membina Papan Cerita.....	151
Rajah 5.5	Peta Bulatan Yang Dilakar Oleh Pelajar Bagi Menghasilkan Puisi.....	155
Rajah 5.6	Skrip Puisi Pelajar Kmk: Puisi Pertama Merupakan Skrip Puisi P2 Manakala Puisi Kedua Merupakan Skrip Puisi P4.....	161
Rajah 5.7	Contoh Puisi Yang Dihasilkan Oleh Pelajar.....	164
Rajah 5.8	Contoh Peta Bulatan – Bulatan Tengah Yang Digunakan Untuk Meletakkan Tema Atau Konsep.....	165
Rajah 5.9	Contoh Perbezaan Baris Puisi Yang Mampu Dihasilkan Oleh P2 Sebelum Dan Selepas Menggunakan Modul Impat.....	168
Rajah 5.10	Contoh Bingkai Rujukan Yang Meletakkan Bentuk	170
Rajah 5.11	Contoh Puisi P6 Yang Dihasilkan Oleh Pelajar Dengan Menggunakan Lirik Lagu Dan Perbandingan Puisi P6 Selepas Menggunakan Modul.....	172
Rajah 5.12	Contoh Puisi P4 Yang Dihasilkan Oleh Pelajar Sebelum Dan Selepas Menggunakan Modul.....	173
Rajah 5.13	Contoh Peta Pemikiran Yang Dijadikan Kerangka Bagi Menghasilkan Puisi.....	175

Rajah 5.14	Contoh Puisi Yang Tidak Menggunakan Gaya Bahasa Dan Kurang Kreatif.....	177
Rajah 5.15	Contoh Puisi Yang Mempunyai Menggunakan Gaya Bahasa Dan Kreativiti Selepas Menggunakan Modul Impat.....	179
Rajah 5.16	Contoh Peta Titi Yang Digunakan Untuk Mencari Kosa Kata Yang Indah.....	181
Rajah 5.17	Peta Alir Yang Dilakar Oleh Pelajar Bagi Membina Papan Cerita.....	184
Rajah 5.18	P1 Hanya Mampu Membina 2 Papan Cerita Sebelum Menggunakan Modul.....	186
Rajah 5.19	Perbandingan Teks Sebelum Dan Selepas Menggunakan Modul.....	190
Rajah 5.20	Perbandingan Grafik Sebelum Dan Selepas Menggunakan Modul.....	193
Rajah 5.21	Perbandingan Audio/Video Sebelum Dan Selepas Menggunakan Modul.....	195
Rajah 5.22	Perbandingan Animasi Sebelum Dan Selepas Menggunakan Modul.....	196
Rajah 5.23	Peta Alir Yang Digunakan Bagi Membantu Pelajar Menetapkan Animasi Yang Digunakan.....	197
Rajah 5.24	Rumusan Triangulasi Reka Bentuk Kaedah Kajian Campuran.....	207
Rajah 6.1	Rumusan Keseluruhan Kajian.....	211
Rajah 6.2	Pengubahsuaian Reka Bentuk Model Dick dan Carey Dalam Membina Modul Impat.....	218

SENARAI KATA SINGKATAN

FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
IMPAT	Gabungan i-Think, Multimedia, Pemikiran Aras Tinggi – KBAT
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KMK	Kesusasteraan Melayu Komunikatif
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
MPM	Majlis Peperiksaan Malaysia
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PAK-21	Pendidikan Abad Ke 21
PBS	Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PPP	Pelan Pembangunan Pendidikan
SPKMK	Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia

**REKA BENTUK MODUL IMPAT DALAM PENGHASILAN PUISI DAN
PEMBINAAN PAPAN CERITA PELAJAR KMK**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina modul IMPAT bagi membantu pelajar KMK menghasilkan puisi dan membina papan cerita. Aktiviti menggunakan peta pemikiran telah diterapkan di dalam modul seperti yang disarankan oleh KPM. Model ini dibina mengikut sembilan langkah seperti yang disarankan oleh Walter Dick and Lou Carey dan dikenali sebagai Dick dan Carey (1996). Modul ini juga melalui penilaian formatif dan sumatif. Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah *Quan-Qual* untuk melihat skor pencapaian pelajar, kualiti puisi dan kualiti papan cerita yang dihasilkan oleh pelajar KMK. Menerusi kaedah kuantitatif, pengkaji menggunakan instrumen ujian pra dan pos bagi melihat skor pencapaian pelajar sebelum dan selepas menggunakan modul. Manakala melalui kaedah kajian kualitatif, pengkaji menggunakan instrumen analisis dokumen bagi melihat kualiti puisi dan kualiti papan cerita yang dibina oleh pelajar KMK. Selain itu, keberkesanan modul pula dilihat menerusi temu bual yang dijalankan.. Seramai 40 orang pelajar KMK di Pulau Pinang telah dijadikan persampelan. Pengkaji menggunakan teknik persempelan bertujuan dalam kajian ini. Dapatan kajian jelas menunjukkan berlaku peningkatan skor pencapaian, kualiti puisi dan kualiti papan cerita yang dihasilkan oleh pelajar. Hal ini membuktikan bahawa modul IMPAT sememangnya berkesan dan peta pemikiran yang terdapat di dalamnya membantu pelajar menghasilkan puisi dan membina papan cerita yang lebih baik.

DESIGN OF IMPAT MODULE IN PRODUCING POETRY AND STORYBOARD BY KMK STUDENTS

Abstract

The purpose of this study is to build an IMPAT module that will help KMK student in producing quality poetry and great storyboard. Activities that use thinking maps has been integrated in this module as recommended by the KPM. The module was built based on the Dick and Carey (1996) models. The study used the Quan-Qual method to look at students' achievement scores, poetry quality and quality of storyboards produced by KMK students. In addition, the effectiveness of the module will be seen through interviews conducted. The model was built on nine steps as recommended by Dick and Carey. The module will also go through formative and summative assessments. The quantitative study method will use pre and postal test instruments to view students' achievement scores before and after using the module. While qualitative study methods will use document analysis instruments and interviews to view the quality of poetry, the quality of storyboards built by KMK students and the effectiveness of modules. A total of 40 KMK students in Penang will be sampled. Studiers using the purposive sampling techniques in the study. Data analysis results clearly showed an improvement in the score of achievement, the quality of poetry and the quality of the storyboards built. This proves that the IMPAT module is indeed effective and the thinking map inside it helps students produce poetry and build better storyboards. The thinking map used in the module is proven effective in improving their learning and thinking skills.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 untuk meningkatkan kualiti kemenjadian pelajar. Perangkaan ini sejajar dengan aspirasi Malaysia untuk memartabatkan sistem pendidikan dalam kelompok teratas dunia. PPPM telah menggariskan tiga pendekatan utama, iaitu strategi pelaksanaan, pelan tindakan dan enam indikator pencapaian untuk membangunkan modal insan berkualiti tinggi. Melalui PPPM, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah digubal. Penggubalan dilakukan untuk memastikan keseimbangan pengetahuan pelajar dengan kemahiran yang diterapkan adalah seimbang agar pelajar mencapai kejayaan pada masa akan datang (Pelan Induk Pendidikan Malaysia, 2012). Pengubalan sukatan juga berlaku pada Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif (SPKMK) Tingkatan 6 (MPM 2012).

Bagi merealisasikan kualiti kemenjadian pelajar, PPPM juga menerapkan Pendidikan Abad Ke-21 (PAK-21) dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang sebelum ini disebut sebagai proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Menerusi PAK-21, unsur-unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), kreatif dan kritis diaplikasikan mengikut tahap kognitif pelajar. Sejalan dengan itu, guru perlu mengaplikasikan pelbagai kaedah PdPc untuk menjana kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Menurut Tee Tze Kiong, Jailani Md Yunos, Widad Othman, Mohamad, B., dan Yee Mei Hong, (2009), terdapat beberapa alat berfikir yang lazim digunakan

dalam sistem pendidikan Malaysia seperti soalan dan penyoalan, pengurusan grafik, peta minda dan Cognitive Research Trust (CoRT) bagi membantu pelajar menjana KBAT. Alat-alat berfikir ini mampu menyampaikan idea seseorang dengan lebih tersusun, jelas dan mudah difahami. Setiap jenis alat berfikir mempunyai fungsi dan kegunaan yang unik. Salah satu alat berfikir yang ditekankan oleh KPM adalah peta pemikiran (*i-Think*).

Menerusi PAK-21, KPM telah melaksanakan program *i-Think* pada tahun 2014 bagi mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar. Penggunaan alat berfikir seperti peta pemikiran terbukti berkesan dalam menjana KBAT dan telah dilaksanakan di negara-negara maju seperti United Kingdom, Kanada dan Amerika Syarikat. Penggunaan peta pemikiran (*i-Think*) sebagai alat berfikir bukan sahaja dapat meningkatkan keupayaan pelajar mengaplikasi pelbagai kemahiran berfikir mereka untuk menyelesaikan masalah, malah mereka boleh mencipta sesuatu yang baru dan berdaya saing (David Hyerle (Hyerle) dan Chirs Yeager (Yeager), 2007).

Menurut Hyerle (2000), peta pemikiran merupakan alat berfikir yang dapat meningkatkan kemahiran kognitif pelajar, iaitu mendefinisikan konsep, menerangkan, mengenal pasti, mengkategorikan dan menyusun maklumat, membandingkan, membezakan, sebab dan akibat, menganalisis dan membuat keputusan. Manakala Menurut Smith (2000), setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza dan salah satu cara untuk mengatasi masalah proses pembelajaran melalui modul pembelajaran (Fatimah Mohd Sarjan, 2012). Oleh itu, salah satu kaedah pembelajaran yang boleh

digunakan ialah pembelajaran menggunakan modul yang menerapkan peta pemikiran (*i-Think*).

PdPc menggunakan modul peta pemikiran yang telah dibangunkan menerusi kajian ini merupakan satu alternatif dalam membantu pelajar KMK menerapkan kemahiran berfikir secara terancang ketika menghasilkan puisi dan membina papan cerita. Penggunaan modul yang menerapkan peta pemikiran diharap mampu mengubah perspektif atau amalan lama. Hal ini dikatakan demikian kerana peta pemikiran ini mempromosi satu suasana mengajar yang menyeronokkan, ringkas, informatif dan menjimatkan masa serta bahan. Menurut Hyerle dan Yeager (2007), peta pemikiran memudahkan pelajar memahami konsep, menganalisis masalah dan mencari penyelesaian kerana peta pemikiran memberi penekanan kepada aktiviti yang berpusatkan pelajar dan menggalakkan mereka bekerja secara kolaboratif. Hubungan guru dengan pelajar juga menjadi lebih rapat kerana guru cenderung berperanan sebagai fasilitator dalam membimbing pelajar.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sejajar dengan kehendak PAK-21, Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif (SPKMK) digubal untuk menggantikan Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu (SPKM) dalam Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) pada tahun 2003 (Majlis Peperiksaan Malaysia 2012). SPKMK baru ini bermula pada semester pertama 2012 (Mei - November) untuk kohort pertama. SPKMK terbahagi kepada tiga penggal, iaitu penggal pertama, penggal kedua dan penggal ketiga dan pelajar akan menduduki peperiksaan. Melalui sistem istilah ini, pelajar didedahkan

kepada aspek penghargaan kerja, sastera dan pengembangan, kreativiti, pengurusan, dan multimedia seperti yang ditunjukkan pada gambar 1.1.



Rajah 1.1. Pembahagian Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif (Sumber : Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012)

Penyusunan semula SPKMK (2012) berlaku melalui pengemaskinian tajuk, kandungan, dan penerapan kemahiran yang merujuk kepada kemahiran berfikir aras tinggi mengikut perkembangan semasa. Tujuan utama Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) memperkenalkan sistem ini adalah untuk meningkatkan orientasi PdPc di tingkatan enam sesuai dengan orientasi pengajaran dan pembelajaran di universiti. Selain itu, penerapan konsep PAK-21 menerusi SPKMK (2012) dapat membuka ruang kemahiran yang baru terhadap dunia kesusasteraan Melayu. Inovasi sastera yang dijalankan bersama multimedia dapat mengisi ruang PdPc. MPM (2012) mengharapkan agar SPKMK mampu menghasilkan pelajar tingkatan enam yang berfikiran matang, berpengetahuan luas, dan berupaya untuk menyampaikan idea secara berkesan dengan menggunakan pelbagai bentuk komunikasi.

Pengkaji akan memberi tumpuan kepada penggal tiga dalam kajian ini. Penggal tiga terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Pelajar KMK perlu menghasilkan penulisan kreatif pada Bahagian A, iaitu puisi tradisional, sajak, dan cerpen. Puisi yang dihasilkan perlu memenuhi ciri-ciri yang ditetapkan. Pada Bahagian B, pelajar perlu mempelajari prinsip asas pengurusan. Pada Bahagian C pula, pelajar perlu menghasilkan papan cerita mengikut tema yang ditetapkan dengan menerapkan keempat-empat prinsip asas multimedia yang mereka pelajari. KBAT sememangnya dititik beratkan dalam SPKMK, terutamanya pada penggal tiga. Namun begitu terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh pelajar untuk menguasai sukatan yang baru diperkenalkan ini terutama sukatan penggal tiga.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh para penyelidik terdahulu, penggunaan bahan untuk menguasai sukatan amatlah penting dalam meningkatkan pencapaian dan penguasaan pelajar (Curtis R. Finch and Jhon R. Crunckilton, 1999) terutama bagi sukatan yang baru diperkenalkan. Abdul Rahim dan Ahmad Faizal (2010), menyatakan bahawa tahap penguasaan yang baik oleh guru-guru terhadap pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mengajar sesuatu mata pelajaran akan membolehkan sesi pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar dan berkesan. Tanpa penguasaan yang baik kerana buku panduan dan rujukan yang terhad mengakibatkan gangguan kepada kelancaran perjalanan sesi pengajaran dan pembelajaran. Situasi ini akan menyebabkan guru kurang berkeyakinan untuk menjalankan proses penyampaian ilmu dan kemahiran kepada pelajar-pelajar, seterusnya akan berlaku keciciran ilmu kepada mereka dan ini akan merugikan pelajar-pelajar di bawah bimbingannya (Abdul Rahim dan Ahmad Faizal, 2010).

Kamaruddin Hj. Husin (1996) menyatakan bahawa cara untuk membangkitkan semangat belajar dalam kalangan pelajar dengan mengadakan teknik baru dalam kaedah PdPc harus dilihat sebagai sesuatu yang menyeronokkan. Pembinaan modul pembelajaran yang menggunakan peta pemikiran dalam kajian ini akan dibina bagi membantu pelajar KMK menguasai sukatan penggal tiga. Pembinaan modul yang diberi nama modul IMPAT merupakan gabungan tiga elemen penting, iaitu *i-Think*, empat elemen asas multimedia dan pemikiran aras tinggi (mewakili KBAT).

Menurut Muhanizah Ahmad Mokhtar (2006), modul pembelajaran didefinisikan sebagai satu alternatif pembelajaran dalam usaha melahirkan pelajar yang berdikari, proaktif, dinamik dan kreatif. Sharifah Alwiah Alsagoff (1987), pula menyatakan modul adalah bertujuan untuk memperkayakan bahan pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran dan berfungsi sebagai alat bahan bantu mengajar (ABBM) bagi menyokong sesi pembelajaran. Pembinaan Modul IMPAT dalam kajian ini akan bertindak sebagai alat bantu berfikir dalam menghasilkan puisi dan membina papan cerita. Mohamed Rafi (2003) pula menyarankan pembentukan modul mestilah mudah difahami dan dipelajari kerana pelajar akan menggunakan modul tersebut sepenuhnya di dalam proses pembelajaran mereka. Modul yang dibina biasanya nipis, berkemungkinan besar boleh meningkatkan motivasi dan usaha untuk terus belajar (Shahrom Noordin dan Yap K. Chin 1991).

Sehubungan dengan itu, pembinaan modul IMPAT akan mengambil kira ciri-ciri seperti yang dinyatakan. PdPc menggunakan modul yang membolehkan pelajar memilih bahan pembelajaran mengikut keperluan dan keselesaan mereka, serta menjadi satu bentuk motivasi kepada pelajar (Noordin dan Yap, 1991). Modul akan

dibina dengan berlandaskan model Dick dan Carey (1996) dengan penerapan elemen-elemen tertentu seperti SPKMK, peta pemikiran dan teori kongnitivisme. Model ini dibina mengikut sembilan langkah seperti yang disarankan oleh Dick dan Carey. Modul juga akan melalui penilaian formatif dan sumatif. Modul akan melalui penilaian formatif bagi memastikan modul yang dihasilkan sesuai dengan kehendak reka bentuk dan sukatan. Penilaian sumatif pula akan menggunakan kaedah *Quant-Qual* untuk melihat skor pencapaian pelajar, kualiti puisi dan kualiti papan cerita yang dihasilkan oleh pelajar KMK selepas menggunakan modul tersebut.

Kaedah kajian kuantitatif akan menggunakan instrumen ujian pra dan pos bagi melihat skor pencapaian pelajar sebelum dan selepas menggunakan modul. Manakala kaedah kajian kualitatif akan menggunakan instrumen analisis dokumen dan temu bual bagi melihat kualiti puisi, kualiti papan cerita yang dibina oleh pelajar KMK dan keberkesanan modul. Seramai 40 orang pelajar KMK di Pulau Pinang akan dijadikan persampelan. Pengkaji menggunakan teknik persempelean bertujuan dalam kajian ini.

1.3 Pernyataan Masalah

SPKMK merupakan sukatan baru yang telah digubal dan dilaksanakan pada tahun 2013 bagi menggantikan sukatan lama. Penawaran SPKMK pada peringkat STPM sentiasa relevan mengikut kehendak semasa (SPKMK, 2012). SPKMK diperbaharui mengikut sistem penggal. Menerusi sistem penggal ini, pelajar KMK akan mengikuti mata pelajaran ini pada penggal satu, dua dan tiga. Namun begitu, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh pelajar KMK dalam menguasai

SPKMK. Satu kajian awal yang telah dijalankan terhadap beberapa orang guru, pelajar KMK di negeri Pulau Pinang dan 14 orang Jurulatih Utama (JU) KMK yang mewakili setiap negeri di Malaysia. Dapatan kajian awal menemukan empat isu utama yang menjadi landasan dalam pembentukan pernyataan masalah bagi kajian ini.

Isu pertama ialah subjek KMK masih kekurangan buku panduan dan rujukan kerana SPKMK baru diperkenalkan terutama sukatan penggal ketiga. Menurut Mohd Fadzli Ismail dan Mohd Sukki Othman (2012), buku teks yang bertindak sebagai buku panduan merupakan faktor penting yang terlibat secara langsung dalam proses PdPc pelajar. Muslich Mansur (2010) menyatakan bahawa buku teks adalah buku yang digunakan oleh pelajar pada tahap tertentu dan buku teks digunakan sebagai media pembelajaran (instruksional) yang berkaitan dengan bidang pembelajaran tertentu. Tanpa buku rujukan dan buku panduan, guru dan pelajar akan mencari kaedah yang sesuai untuk menguasai sukatan pelajaran, terutamanya sukatan pelajaran KMK tiga penggal yang baru diperkenalkan.

Melalui kajian awal yang dilakukan kepada JU dan guru-guru yang mengajar subjek KMK mendapati bahawa kekurangan buku rujukan dan buku panduan menyebabkan guru-guru KMK mengajar mengikut pengalaman dan berpandukan pada sukatan yang diberi. Kesannya, pelajar-pelajar KMK menerima pembelajaran dan fahaman yang pelbagai dan berbeza. Kekangan ini menyebabkan pelajar sukar untuk menguasai isi kandungan dan kemahiran aspek sastera dalam penulisan kreatif dan membina papan cerita.

Robiah Sidin (2000), menjelaskan bahawa sebagai guru yang melaksanakan kurikulum (sukatan baru), guru mestilah bersedia dengan ilmu pengetahuan yang cukup sebelum menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pendidik. Apabila tahap kesediaan seseorang guru mengajar kurang kerana ketiadaan buku rujukan dan panduan, maka perkara ini boleh menimbulkan beberapa masalah yang mengakibatkan objektif pengajaran dan pembelajaran sukar untuk dicapai. Apatah lagi bagi seorang guru baru yang kurang pengalaman (Ee Ah Meng, 2005). Kajian Wan Zah Wan Ali, Sharifah, Mad Nor, Siti Suria Salim, Mohamed Othman, Kamariah Abu Bakar, Arshad Abd. Samad, dan Hayat Marzuki, (2009) pula menunjukkan bahawa 65.6% pelajar gagal kerana guru mengajar dengan cara yang sukar difahami oleh pelajar. Masalah yang sama boleh berlaku kepada pelajar KMK. Stallard (1998) dalam kajiannya mendapati bahawa keadaan yang menjadikan pengajaran tidak berkesan adalah kurangnya persediaan guru untuk membangunkan pengajaran.

Isu kedua dalam pelaksanaan sukatan pelajaran KMK baru ini, kebanyakan pelajar KMK bukan berasal dari aliran sastera semasa di tingkatan empat dan lima sebelum memasuki tingkatan enam. Melalui data yang diperolehi dari Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang (JPNPP) seperti yang tercatat dalam jadual 1.1, menunjukkan bahawa terdapat enam sekolah yang menawarkan mata pelajaran KMK sebagai mata pelajaran pilihan di peringkat STPM.

Jadual 1.1: Jadual Menunjukkan Aliran Pelajar Sebelum Mengambil Subjek KMK Di Negeri Pulau Pinang

Nama Sekolah	Aliran		Ketika Di Arus Perdana (Ting 4 dan 5)				Jumlah Pelajar	
	Aliran Sastera		Aliran Sains		Aliran Lain		BIL	%
	BIL	%	BIL	%	BIL	%		
SMK Seri Balik Pulau	3	6.66	5	11.1	37	82.2	45	39.8
Kolej Haji Zainal	0	00.0	10	100	0	00.0	10	11.3
SMK Sungai Ara	7	35	3	15	10	50.0	20	17.6
SMK Seberang Jaya	17	100	0	00.0	0	00.0	17	15.0
BM High School	1	04.8	8	38.1	12	57.1	21	18.5
Jumlah	28	24.7	26	23.0	59	52.2	113	100

(Sumber : Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang)

Jumlah yang mengambil subjek KMK di Pulau Pinang adalah 113 orang. Seramai 85 orang pelajar (75.2%) yang mengambil subjek KMK terdiri daripada pelajar yang tidak mempunyai asas sastera ketika belajar di tingkatan empat dan tingkatan lima. Seramai 26 orang (23.0%) berasal dari aliran Sains, sementara 59 orang lagi (52.2%) berasal dari aliran Sains Kemanusiaan bukan aliran sastera. Justeru, subjek KMK adalah subjek yang agak asing bagi pelajar yang bukan berasal dari aliran sastera. Hal ini menyebabkan pelajar mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang agak terhad dalam menganalisis aspek-aspek karya sastera dan berkarya kerana mereka tidak pernah mengambil subjek ini. Berdasarkan maklumat yang diperoleh dari JU peringkat Kebangsaan, semua negeri mengalami situasi yang sama dengan negeri Pulau Pinang iaitu pelajar yang mengambil subjek KMK terdiri daripada pelbagai aliran yang berbeza ketika mereka di arus perdana. Hal ini menjadikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh agak terhad untuk menguasai sukatan terutama sukatan penggal tiga.

Beck L. Isabel (1981) dalam kajiannya menekankan bahawa pengetahuan sedia ada pelajar memainkan peranan penting dalam memahami isi kandungan teks. Pelajar akan membina pemahaman dan kemudian proses ini dimasukkan ke dalam memori ketika berinteraksi dengan teks. Pada pandangannya, pemahaman adalah proses interaktif antara pengetahuan sedia ada dan pengetahuan baru (isi kandungan teks KMK yang dibaca). Ini diakui oleh Lee Shok Mee (1991) menyatakan bahawa pengalaman yang ada adalah penting bagi pelajar untuk mencapai pembelajaran baru. Jelas di sini bahawa kekurangan pengetahuan yang ada dan mempunyai pemahaman yang terhad menyebabkan pelajar KMK gagal menguasai sukatan pelajaran, terutamanya penghasilan puisi dan pembinaan papan cerita. Dalam kes ini, penggunaan modul pembelajaran akan dapat menjana idea baru dan bergabung dengan pengetahuan sedia ada pelajar KMK.

Isu ketiga ialah prestasi pencapaian dan kualiti penghasilan pelajar ketika menghasilkan puisi dan membina papan cerita agak lemah. Hal ini terbukti apabila pengkaji menganalisis laporan MPM terhadap peperiksaan STPM penggal tiga bagi tahun 2013 hingga 2018. Menurut laporan analisis peperiksaan tersebut, pelajar KMK kurang menguasai kemahiran menganalisis, berkarya, mengembangkan idea dan menjana kemahiran berfikir mereka.

Jadual 1.2: Analisis Keputusan Pelajar KMK Seluruh Malaysia bagi Penggal Tiga (2013 dan 2019)

STPM	Calon	Calon Lulus		Calon Gagal	
		Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
2013	6680	4186	62.66%	2494	37.34
2014	5273	3112	59.02%	2161	40.98
2015	5105	2975	58.28%	2130	41.72
2016	5518	3333	60.40%	2158	39.60
2017	5093	3254	63.89%	1839	36.11
2018	5545	3568	64.35%	1977	35.65
2019	6004	3999	66.60%	2005	33.39

(Sumber : MPM, (2013 / 2019). Laporan Peperiksaan STPM dan MUET. Johor: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.)

Jadual 1.2 menunjukkan peratusan markah lulus dan gagal yang dicapai oleh pelajar KMK di seluruh Malaysia untuk peperiksaan penggal ketiga. Peratusan ini menunjukkan Laporan Statistik Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) bagi subjek KMK penggal ketiga kohot pertama hingga ketujuh. Jumlah calon yang lulus melebihi 50%, malah peratusan calon yang gagal juga mendekati 50%. Pencapaian pelajar KMK dalam peperiksaan penggal ketiga masih pada tahap yang tidak memuaskan. MPM menyatakan bahawa kegagalan pelajar disebabkan oleh kelemahan pelajar KMK dalam menjawab bahagian A, iaitu penghasilan puisi dan bahagian C ketika membina papan cerita. Berikut adalah dapatan analisis laporan MPM (2013-2019) mengenai pengetahuan pelajar KMK dalam menghasilkan puisi dan membina papan cerita.

1. Pada tahun 2013, kualiti penghasilan puisi pelajar masih lemah dan tidak menepati ciri-ciri puisi yang ditulis. MPM melaporkan bahawa pelajar tidak melakukan perancangan secara teliti sehingga menyebabkan wujudnya tumpang tindih isu atau persoalan yang dikemukakan.
2. Selain itu, kualiti penghasilan puisi pelajar hampir sama dari sudut ciptaannya, walaupun isu dan persoalan yang diketengahkan oleh pelajar adalah berbeza.
3. Puisi pelajar juga tidak menepati tema dan bentuk puisi. Terdapat pelajar yang mengubah suai lirik lagu untuk dijadikan puisi.
4. Pada tahun 2014 dan 2016, penghasilan pantun yang dicipta kurang berkualiti kerana mengabaikan nilai estetik, aspek dalaman dan luaran yang kurang menyerlah, khususnya aspek pembayang dengan maksud dan adakalanya hubungan tersebut tidak logik.
5. Pada tahun 2015 dan 2016 sajak yang dicipta pelajar masih berada pada tahap sederhana. Pemikiran yang dikemukakan pelajar kurang jelas dan bertentangan dengan kehendak tema. Pelajar juga tidak menekankan tentang gaya bahasa, teknik penulisan dan kreativiti ketika menghasilkan sajak. Pelajar sepatutnya menghasilkan sajak yang bermutu dari segi idea yang menarik, bentuk yang tepat dan sesuai dan puitis.
6. Pada tahun 2017, pelajar perlu menghasilkan sajak berpandukan logo teks “1 Malaysia dan Cintailah Bahasa Kebangsaan Kita”. Sajak yang dihasilkan juga masih berada pada tahap yang sederhana. Hal ini dikatakan demikian kerana jika dilihat pada sudut penulisannya, pelajar masih tidak melakukan perancangan yang teliti sehingga menyebabkan wujudnya tumpang tindih isu atau persoalan yang dikemukakan. Pola sajak yang dihasilkan oleh kesemua pelajar KMK juga hampir sama. Pelajar sepatutnya menghasilkan sajak yang

bermutu dengan mengambil kira susunan idea yang menarik dan menepati ciri-ciri sajak dari segi tema, tajuk, persoalan, gaya bahasa dan lain-lain.

7. Pada tahun 2018 pula pelajar perlu menghasilkan syair yang mengisahkan rakan sekolah. Pelajar perlu kefahaman yang khusus tentang bentuk dan ciri-ciri syair ketika menjawab soalan ini. Ciri-ciri syair yang perlu dititik beratkan adalah jumlah baris dalam satu bait, bilangan perkataan, setiap bait ada maksud, setiap bait ada pertautan dan rima akhir. Secara umumnya pelajar tidak dapat mengarang syair dengan baik. Syair yang dihasilkan oleh pelajar kebanyakannya menampilkan gaya bahasa yang terhad. Kreativiti pelajar juga terbatas. Malah syair yang dihasilkan pelajar lebih meniru ciri-ciri pantun iaitu mempunyai pembayang dan maksud. Terdapat juga pelajar yang menghasilkan sajak dan ada pelajar yang mampu menghasilkan syair dengan baik dan menepati ciri-ciri syair.
8. Pada tahun 2019, pelajar perlu memilih untuk menghasilkan pantun atau sajak. Bagi soalan 1, pelajar perlu menghasilkan lima rangkap pantun empat kerat yang berkaitan dengan semangat kesukanan. Pantun yang dihasilkan sepatutnya menepati ciri-ciri wajib pada pantun, iaitu mempunyai pembayang, maksud, dan rima akhirnya a/b/a/b. Baris pertama dan baris kedua pada pembayang pula hendaklah ada kaitan. Ciri lain pantun yang sepatutnya ada ialah empat baris dalam satu rangkap, empat hingga lima perkataan sebaris, dan lapan hingga 12 suku kata dalam sebaris. Namun pantun yang dihasilkan pelajar masih tidak menepati tema, persoalan dan bentuk yang dikehendaki. Pelajar sepatutnya mengemukakan pemikiran berkaitan dengan semangat kesukanan yang melibatkan dua pihak atau lebih, gaya bahasa yang berbeza, dan tajuk yang berkaitan dengan tema pantun tersebut. Antara kelemahan

pelajar ialah pantun yang dihasilkan mempunyai pembayang yang tiada kaitan pada baris pertama dan baris kedua, tiada baris pembayang, mempunyai maksud pada setiap baris, rima akhir bebas, dan jumlah pemikiran serta gaya bahasa yang tidak mencukupi. Terdapat juga pelajar yang menghasilkan syair. Hal ini menjejaskan kelancaran keseluruhan jawapan dan markah yang diperoleh mereka. Secara keseluruhannya, kebanyakan calon kurang menguasai ciri-ciri wajib pada pantun. Hal ini menyebabkan ada rangkap pantun yang tidak dikira untuk pemarkahan walaupun aspek lain tergambar dalam pantun.

Pada soalan 2, pelajar diminta menghasilkan sajak berdasarkan gambar Kota A Famosa di Melaka. Panjangnya sajak tersebut hendaklah antara 30 hingga 40 baris. Sajak yang dihasilkan oleh pelajar sepatutnya mempunyai judul. Antara kelemahan jawapan pelajar ialah sajak yang dihasilkan oleh mereka tidak berkaitan dengan gambar, mengabaikan bilangan baris, dan jumlah gaya bahasa serta pemikiran yang tidak mencukupi. Hal ini menjejaskan kelancaran keseluruhan jawapan dan markah yang diperoleh mereka.

9. Bagi pembinaan papan cerita, pihak MPM (2013, 2014) melaporkan bahawa pelajar dikehendaki menghasilkan bingkai papan cerita dengan memasukkan prinsip asas multimedia. Namun begitu, kualiti membina papan cerita masih berada pada tahap yang lemah. Hal demikian dikatakan kerana, pelajar gagal mengutarakan tujuan dan fungsi papan cerita dengan baik.
10. Pada tahun 2018, pelajar diminta menghasilkan lima papan cerita berdasarkan *teks Sulalatus Salatin* (Sejarah Melayu). Soalan ini memerlukan kefahaman khusus tentang konsep papan cerita. Kebanyakan pelajar dapat menghasilkan


lima bingkai papan cerita yang lengkap dengan elemen multimedia, iaitu teks, grafik, audio-visual, dan animasi. Setiap elemen tersebut turut diberi penjelasan tentang aspek 'apa', 'bagaimana', dan 'mengapa'. Elemen sastera juga digarap dengan baiknya oleh pelajar dalam papan cerita. Walau bagaimanapun, terdapat pelajar yang tidak melakar bingkai papan cerita mengikut format dan kriteria yang ditetapkan. Ada pelajar yang menghasilkan sekurang-kurangnya dua atau tiga daripada lima bingkai papan cerita. Ada juga pelajar yang mengabaikan elemen sastera dalam papan cerita. Pelajar sepatutnya membuat lakaran papan cerita yang mengandungi elemen multimedia. Pelajar juga sepatutnya menjelaskan aspek 'apa', 'bagaimana', dan 'mengapa' bagi setiap elemen multimedia. Setiap penjelasan terhadap aspek tersebut, pelajar sepatutnya mengaitkannya dengan elemen sastera. Bagi aspek deskripsi pula, pelajar sepatutnya mengemukakan huraian ringkas berkaitan dengan peristiwa yang tertentu atau terpilih berdasarkan petikan.

Laporan MPM (2013-2019) ini mengukuhkan lagi dapatan kajian awal yang telah dijalankan. Guru-guru dan pelajar-pelajar KMK mengakui bahawa sukar untuk menghasilkan puisi dan membina papan cerita menepati skema yang ditetapkan oleh pihak MPM. Lebih-lebih lagi pelajar KMK perlu menghasilkan puisi dan membina lima papan cerita dalam masa satu jam tiga puluh minit ketika peperiksaan sebenar.

Dalam menghasilkan puisi dan membina papan cerita, pelajar KMK harus menguasai cerita, elemen sastera dan multimedia agar dapat mengembangkan idea mereka secara jelas, terang, mudah difahami dan kreatif. Walau bagaimanapun, pelajar KMK masih kurang mempunyai kemampuan untuk mengembangkan idea

semasa membuat puisi dan membina papan cerita. Pelajar berasa terbeban dengan proses pembelajaran yang berpusatkan peperiksaan sehingga gagal mengaplikasikan kemahiran berfikir (Rohaida Yusop dan Zamri Mahamod , 2015)

Berdasarkan empat isu yang dikemukakan, kajian ini berhasrat untuk membina modul bagi membantu pelajar KMK menguasai sukatan Penggal tiga bahagian penulisan kreatif dan membina papan cerita. Pembinaan modul IMPAT yang menerapkan peta pemikiran dalam kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada guru dan pelajar. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Laura (2011), peta pemikiran telah berjaya meningkatkan keupayaan pelajar untuk membanding beza sebanyak 69%. Beliau juga menyatakan bahawa peta pemikiran telah dapat meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan pelajar. Hasil daripada pemerhatian yang telah dijalankan oleh Anat Zohar (2004), penggunaan peta pemikiran telah berjaya meningkatkan pelaksanaan aktiviti bagi KBAT dalam kalangan pelajar.



Rajah 1.2. Rumusan Pernyataan Masalah Dan Penyelesaian.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mereka bentuk dan menilai modul, iaitu modul IMPAT. Modul ini menggunakan peta pemikiran sebagai alat berfikir bagi membantu pelajar KMK menghasilkan puisi dan membina papan cerita. Modul IMPAT dibina berlandaskan model Dick dan Carey (1996) yang meliputi proses pembinaan modul, penilaian formatif dan penilaian sumatif. Pengkaji akan melihat keberkesanan modul IMPAT dalam membantu pelajar KMK menghasilkan puisi dan membina papan cerita yang lebih baik dan bertepatan dengan kehendak sukatan dan skema.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dinyatakan seperti di bawah:-

1. Mereka bentuk modul IMPAT.
2. Membandingkan skor pencapaian pelajar KMK dalam menghasilkan puisi sebelum dan selepas menggunakan modul IMPAT.
3. Membandingkan skor pencapaian pelajar KMK dalam membina papan cerita sebelum dan selepas menggunakan modul IMPAT
4. Menganalisis kualiti puisi yang dihasilkan oleh pelajar KMK sebelum dan selepas menggunakan modul.
5. Menganalisis kualiti papan cerita yang dibina oleh pelajar KMK sebelum dan selepas menggunakan modul.
6. Mendapatkan pandangan pelajar KMK terhadap keberkesanan modul IMPAT dalam membantu pelajar menghasilkan puisi dan membina papan cerita.

1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk menjawab soalan-soalan kajian seperti dibawah.

SK1 Apakah proses-proses dalam membina modul modul IMPAT dan apakah pandangan pakar terhadap kesesuaian reka bentuk dan kandungan modul IMPAT yang dihasilkan?

SK2 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor pencapaian pelajar KMK dari aspek penghasilan puisi sebelum dan selepas menggunakan modul IMPAT?

SK3 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor pencapaian pelajar KMK dari aspek pembinaan papan cerita sebelum dan selepas menggunakan modul IMPAT?

SK4 Sejauh manakah pelajar KMK berupaya menghasilkan puisi yang lebih baik (berkualiti) selepas menggunakan modul IMPAT?

SK5 Sejauh manakah pelajar KMK berupaya membina papan cerita yang lebih baik (berkualiti) selepas menggunakan modul IMPAT?

SK6 Apakah pandangan pelajar KMK terhadap keberkesanan penggunaan Modul IMPAT dalam membantu pelajar KMK menghasilkan puisi dan membina papan cerita dengan lebih baik (berkualiti)?

1.7 Hipotesis Kajian

Terdapat dua hipotesis yang diuji di dalam kajian ini.


1. Hipotesis Utama Ho1;

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor pencapaian pelajar KMK bagi menghasilkan puisi sebelum dan selepas menggunakan modul IMPAT.

2. Hipotesis Ho2;

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor pencapaian pelajar KMK bagi pembinaan papan cerita sebelum dan selepas menggunakan modul.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.3. Kerangka Konseptual Kajian

Rajah kerangka konseptual kajian di atas menunjukkan pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kajian ini. Kerangka konsep berfungsi untuk menunjukkan arah tuju dan panduan kepada pengkaji ketika menjalankan kajian. Menurut William Wiersma (2000), kerangka konseptual dibina adalah untuk meramal dan menerangkan sesuatu fenomena secara sistematik.

Kajian ini dilakukan secara berperingkat, pengkaji akan membina modul bagi membantu pelajar KMK dalam menghasilkan puisi dan membina papan cerita. Pembinaan modul IMPAT adalah berdasarkan empat elemen asas iaitu

1. Model reka bentuk Dick dan Carey (1996). Sama seperti yang dicadangkan oleh Landa (2004), modul reka bentuk Dick dan Carey (1996) mempunyai tujuh langkah yang perlu pengkaji dipatuhi ketika membina modul IMPAT. Pembinaan modul juga akan dibina berdasarkan pandangan-pandangan pakar, seperti Dick dan Carey (1996) bagi reka bentuk modul, Edward de Bono (2000) bagi peta pemikiran dan Lorin W. Anderson, David R. Krathwohl, Peter W. Airasian, Kathleen A. Cruikshank, Richard E. Mayer, Paul R. Pintrich, James Raths, and Merlin C. Wittrock (2001), bagi penggunaan KBAT.
2. Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Penggal Tiga. Pembinaan modul akan tertumpu pada cara menghasilkan puisi dan membina papan cerita.
3. Teori kognitif Robert Mills Gagne (1977) yang menunjukkan pembelajaran secara berstruktur dan bersistematik. Teori ini seiring dengan penggunaan peta pemikiran yang terdapat dalam modul IMPAT. Pembelajaran menggunakan modul IMPAT merupakan pembelajaran berpusatkan pelajar.

4. Akhir sekali ialah penggunaan peta pemikiran sebagai alat berfikir dalam menghasilkan puisi dan membina papan cerita, Modul menggunakan peta pemikiran akan mengajar pelajar belajar mengikut acuan yang sedia ada dalam menghasilkan puisi dan membina papan cerita. Penggunaan peta pemikiran adalah satu teknik pengajaran yang diperkenalkan untuk menggalakkan pelajar berfikir dan lebih fokus dalam memahami tajuk yang dipelajari (Hylerle dan Yeager, 2007). Setiap peta pemikiran mempunyai proses pemikiran yang disesuaikan mengikut tajuk atau unit pelajaran. Peta pemikiran (*i-Think*) juga membantu pelajar merangsang pemikiran secara aktif. Pelajar dapat menjalankan aktiviti secara kolaboratif dan berkongsi maklumat.

Modul yang dibina dapat membantu pelajar membina pengetahuan sendiri berdasarkan pengalaman yang dilalui dan perbincangan dalam kumpulan. Pelajar juga dapat belajar dalam suasana yang menyeronokkan dan mendapat peluang kesamarataan untuk mencapai kejayaan. Hal ini seiring dengan kehendak pembelajaran PAK-21 dan secara tidak langsung memperkembangkan potensi dan melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif yang mampu berfikir pada aras tinggi sekaligus mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara (Sidek Mohd Noah, 2013). Seterusnya, modul yang dibina perlu menjalani penilaian formatif. Pandangan pakar diperlukan bagi mengesahkan reka bentuk dan keberkesanan modul yang dihasilkan. Menerusi penilaian formatif, pengkaji merujuk modul yang dibina kepada guru KMK dan pensyarah yang berpengalaman bagi mengenal pasti kesesuaian reka bentuk, kesesuaian sukatan dan peta pemikiran serta keberkesanan modul yang dibina.